



KEGANASAN RUMAH TANGGA: PENCEGAHAN DAN PENYELESAIAN DALAM KERANGKA SYARIAH

DOMESTIC VIOLENCE: PREVENTION AND RESOLUTION WITHIN THE FRAMEWORK OF SHARIAH

Mohammad Ramzi Bin Zakaria¹, Yusliha binti Mohd Yunus¹

¹Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia

Abstrak

Keganasan rumah tangga merupakan isu serius yang memberi impak negatif terhadap kesejahteraan fizikal, emosi dan mental individu yang terlibat, khususnya wanita dan kanak-kanak. Dalam konteks masyarakat Islam, keganasan rumah tangga sering kali dianggap bertentangan dengan prinsip-prinsip syariah yang menekankan kasih sayang, keadilan dan hormat-menghormati antara suami dan isteri. Kajian ini bertujuan untuk meneliti pendekatan pencegahan dan penyelesaian keganasan rumah tangga dalam kerangka syariah secara kualitatif dengan menganalisis seksyen-seksyen yang terlibat dalam Akta Keganasan Rumah Tangga dan Kanun Keseksaan serta kes-kes berkaitan keganasan rumah tangga. Tambahan lagi, kajian menambahbaikkan pendekatan pencegahan merangkumi pendidikan tentang hak dan tanggungjawab pasangan dalam perkahwinan, selain penguatkuasaan undang-undang yang memberi perlindungan kepada mangsa. Sementara itu, penyelesaian dalam kerangka syariah memfokuskan kepada kaedah mediasi, perundingan dan tindakan undang-undang yang seimbang bagi memastikan keadilan ditegakkan tanpa menjejaskan maruah individu. Kajian ini juga menekankan peranan institusi agama dan masyarakat dalam menangani isu ini, termasuk kempen kesedaran dan sokongan kepada mangsa. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan panduan bagi memperkukuhkan usaha pencegahan dan penyelesaian keganasan rumah tangga yang berlandaskan syariah demi kesejahteraan keluarga dan masyarakat.

Kata kunci: keganasan rumah tangga, pencegahan, penyelesaian, syariah

Abstract

Domestic violence is a serious issue that negatively impacts the physical,

Perkembangan Artikel

Diterima: 28 Mac 2025

Disemak: 19 April 2025

Diterbit: 28 April 2025

*Corresponding Author:

Mohammad Ramzi Bin Zakaria,
Universiti Islam Pahang Sultan
Ahmad Shah, Pahang, Malaysia

Email: ramzi@unipsas.edu.my

emotional, and mental well-being of those involved, particularly women and children. In the context of Islamic society, domestic violence is often seen as contradictory to the principles of Shariah, which emphasize compassion, justice, and mutual respect between husband and wife. This study aims to explore preventive and resolution approaches to domestic violence within the Shariah framework through a qualitative analysis of relevant sections in the Domestic Violence Act and Penal Code, as well as related domestic violence cases. Additionally, the study seeks to improve preventive measures by including education on the rights and responsibilities of spouses in marriage, along with the enforcement of laws that provide protection to victims. Meanwhile, resolution methods under the Shariah framework focus on mediation, negotiation, and balanced legal actions to ensure justice is upheld without compromising individual dignity. This study also highlights the role of religious institutions and the community in addressing this issue, including awareness campaigns and victim support. The findings of this study are expected to provide guidance for strengthening Shariah-based efforts in the prevention and resolution of domestic violence, for the well-being of families and society.

Keywords: *domestic violence, prevention, resolution, Shariah*

PENDAHULUAN

Mutakhir ini, keganasan rumah tangga sering terjadi malah menjadi kebiasaan bagi pasangan yang telah mendirikan rumah tangga. Perkara ini menjadi persoalan berkaitan tujuan dan matlamat bagi mereka yang telah melangsungkan perkahwinan dan berkeluarga. Malahan juga, situasi ini menjadi ketakutan dan trauma bagi mereka yang masih bujang untuk mendirikan rumah tangga. Mengikut statistik yang dilaporkan sebanyak 5507 kes keganasan rumah tangga pada tahun 2023 di seluruh negara. Lantaran daripada statistik tersebut, Selangor mencatat kes tertinggi sebanyak 773 kes berbanding dengan negeri-negeri lain (Kosmo, 2024). Tambahan lagi, ini menunjukkan peningkatan keganasan rumah tangga meningkat secara drastik pada tahun 2024 sebanyak 7116 kes yang dilaporkan (Bernama, 2025). Jumlah kes ini menunjukkan kecederungan isu keganasan masih dalam kritikal.

Keganasan rumah tangga boleh dibahagikan kepada tiga jenis utama, iaitu keganasan terhadap diri sendiri, interpersonal dan kolektif. Setiap jenis ini melibatkan tindakan yang boleh menyebabkan kecederaan fizikal, emosi, atau seksual. Keganasan terhadap diri sendiri berkaitan dengan pemikiran seseorang yang berusaha untuk merancang atau berfikir tentang cara untuk mengakhiri hidup, seperti membunuh diri atau mencederakan diri sendiri. Manakala keganasan interpersonal pula terbahagi kepada dua kategori: keganasan dalam keluarga dan keganasan dalam komuniti. Keganasan dalam keluarga melibatkan penyalahgunaan yang berlaku terhadap ahli rumah seperti kanak-kanak, pasangan, atau orang tua, biasanya di dalam rumah (Nuruaslizawati, 2020). Sementara itu, keganasan dalam komuniti melibatkan orang luar, sama ada mereka dikenali atau tidak, dan sering berlaku di luar rumah.

Jenis keganasan ini termasuk rogol, serangan seksual, dan keganasan dalam tempat seperti sekolah, tempat kerja, penjara, dan rumah penjagaan. Di samping itu, bagi keganasan kolektif merujuk kepada tindakan keganasan yang dilakukan oleh sekumpulan individu atau masyarakat dengan tujuan tertentu dalam bidang ekonomi, politik, atau sosial, yang menyebabkan pelanggaran hak asasi manusia dan penganiayaan (Nuruaslizawati, 2020).

Menurut United Nations (2022), keganasan rumah tangga merujuk kepada sebarang bentuk kekerasan atau penderaan yang berlaku dalam persekitaran keluarga, terutamanya yang melibatkan suami, isteri dan anak-anak. Ia boleh berlaku dalam bentuk fizikal yang melibatkan keganasan terhadap tubuh badan seperti memukul, menampar, menendang, mencederakan dengan senjata atau apa-apa tindakan yang menyebabkan kecederaan fizikal. Ini termasuk juga tindakan seperti mencubit atau menarik rambut secara kasar. Manakala psikologi yang melibatkan kata-kata atau perlakuan yang menjatuhkan maruah, memperlekeh, mengugut, mengawal secara melampau atau memanipulasi emosi seseorang. Contohnya termasuk penghinaan berulang, ugutan untuk menceraikan, atau menjauhkan pasangan dari ahli keluarga dan rakan-rakan. Selain itu, bentuk seksual berlaku apabila seseorang dipaksa melakukan hubungan seksual tanpa kerelaan, atau dilakukan dalam cara yang menyakitkan atau merendahkan maruah. Dalam konteks perkahwinan sekalipun, hubungan seksual tanpa kerelaan adalah satu bentuk penderaan. Tambahan lagi, penderaan dalam bentuk ekonomi sering berlaku apabila seseorang mengawal sepenuhnya kewangan rumah tangga untuk menekan atau memanipulasi pasangan. Contohnya termasuk tidak memberi wang belanja yang mencukupi, melarang pasangan bekerja, atau mengambil alih pendapatan pasangan tanpa persetujuan. Justeru, keganasan merupakan bentuk penderaan yang bertentangan dengan ajaran Islam, kerana agama ini amat menekankan kepada nilai kasih sayang dan keharmonian dalam rumah tangga.

Menurut *All Women's Action Society Malaysia* [AWAM] (2023), keganasan rumah tangga didefinisikan sebagai situasi di mana seseorang pasangan, bekas pasangan, atau ahli keluarga berusaha untuk mengawal dan menguasai individu lain melalui tindakan keganasan, ancaman, atau cara-cara pengawalan seperti menakut-nakutkan, mengancam, memanipulasi, memaksa, mencederakan, mengaibkan, menyalahkan, atau melukakan seseorang. Sementara itu, Pertubuhan Pertolongan Wanita [WAO] Malaysia (2023) menjelaskan bahawa keganasan rumah tangga merujuk kepada pola keganasan, penderaan, atau ugutan yang digunakan untuk menguasai atau mengekalkan kuasa terhadap pasangan, sama ada dalam hubungan intim yang sedang berlangsung atau yang telah berakhir. Kejadian ini berlaku apabila seseorang cuba menguasai pasangan mereka sehingga menimbulkan ketakutan atau memaksa mereka untuk bertindak mengikut kehendak pihak tersebut. Di dalam Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) pentakrifan perkataan keganasan adalah meliputi beberapa perkara seperti dengan sengaja meletakkan atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan dan kecederaan fizikal oleh tindakan yang dilakukan, menuntut mangsa secara paksaan atau ancaman untuk terlibat dalam apa-apa kelakuan atau perbuatan seksual atau selainnya, mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan serta melakukan khianat atau kerosakan harta dengan niat untuk menyebabkan mangsa rasa sedih atau gusar. Oleh yang demikian, keganasan rumah tangga adalah satu jenayah yang perlu dicegah bagi mengelakkan kekejaman dan penindasan terus berlaku agar masyarakat dapat hidup dalam keamanan yang terjamin.

PENSYARIATAN HUKUM

Islam sangat tegas dalam mengharamkan keganasan rumah tangga kerana perbuatan ini telah mencabuli hak seseorang dan secara tidak langsung menyentuh lima tunjang utama dalam *maqasid syariah* iaitu meliputi agama, nyama, maruah, akal dan harta. Islam sangat menekankan tentang hak dan maruah setiap individu, khususnya wanita dan kanak-kanak, yang seharusnya dihormati dan dilindungi daripada sebarang bentuk kekerasan. Di samping itu juga, pengharaman ini adalah untuk melindungi kesejahteraan dan keharmonian dalam masyarakat. Dalam Al-Qur'an, terdapat banyak ayat yang menggariskan kewajipan suami untuk berlaku adil dan penuh kasih sayang terhadap isteri, sepertimana Allah berfirman dalam Surah An-Nisa' ayat 19 iaitu:

Maksudnya:

Dan bergaullah dengan mereka (isteri-isteri kamu) dengan cara yang baik."

Keganasan dalam rumah tangga jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip ini dan merupakan suatu bentuk pelanggaran terhadap hak asasi manusia. Di samping itu, terdapat ayat al-Quran yang melarang suami memukul isteri tanpa sebab yang sah. Larangan ini dinyatakan di dalam Surah An-Nisa ayat 34 sepertimana berikut:

Maksudnya:

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulalah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.

Selain itu juga, dalam Islam isteri mempunyai hak untuk dihormati dan dijaga dengan baik oleh suami. Hal ini sepertimana firman Allah SWT dalam surah Surah Al-Baqarah ayat 231 iaitu;

Maksudnya:

Dan apabila kamu (suami) menceraikan isteri-isteri kamu dan mereka telah sampai akhir iddah mereka, maka rujukilah mereka dengan cara yang baik atau lepaskanlah mereka dengan cara yang baik.

Ayat ini menunjukkan bahawa hubungan antara suami dan isteri harus diuruskan dengan cara yang baik dan penuh kasih sayang, bukan dengan kekerasan.

Di samping itu, hadis-hadis Nabi Muhammad SAW turut menegaskan bahawa lelaki yang terbaik adalah yang paling baik terhadap isterinya sepertimana dalam kitab Birr wa-Salat hadis bernombor 1162 riwayat Tirmidzi, bahawa Rasulullah SAW bersabda iaitu,

Maksudnya:

Sebaik-baik kamu adalah yang terbaik terhadap isterinya.

Dalam hadis ini, Rasulullah SAW mengingatkan umat Islam tentang pentingnya berbuat baik terhadap isteri, dan menegaskan bahawa lelaki yang terbaik di kalangan umat Islam adalah mereka yang bersikap baik terhadap isteri mereka. Ini menekankan tanggungjawab suami untuk menjaga kesejahteraan dan kehormatan isteri, serta mengharamkan sebarang bentuk kekerasan dalam rumah tangga.

Di samping itu juga terdapat Hadis Nabi Muhammad S.A.W yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a. iaitu,

Maksudnya:

Tidak seorang lelaki yang memukul isterinya (dengan keras) kemudian menggaulinya (dengan baik) pada keesokan harinya, melainkan dia adalah orang yang paling buruk akhlaknya.

Hadis ini menunjukkan bahawa Islam melarang keras sebarang bentuk kekerasan fizikal terhadap isteri. Kekerasan bukanlah jalan penyelesaian bagi masalah dalam rumah tangga. Oleh itu, pengharaman keganasan dalam rumah tangga bukan sahaja bertujuan untuk menegakkan keadilan sosial, tetapi juga untuk mewujudkan suasana yang penuh kasih sayang, hormat-menghormati, dan saling menjaga antara suami, isteri, dan anak-anak dalam institusi keluarga.

FATWA MENGENAI KEGANASAN RUMAH TANGGA

Fatwa kebangsaan mengenai keganasan rumah tangga merupakan satu usaha penting untuk memberikan garis panduan yang jelas dalam menangani isu keganasan dalam keluarga di Malaysia. Fatwa ini mengiktiraf bahawa keganasan rumah tangga, yang termasuk kekerasan fizikal, emosi, dan psikologi, adalah suatu perbuatan yang dilarang dalam agama Islam. Islam mengajarkan bahawa setiap individu dalam rumah tangga, terutamanya wanita dan kanak-kanak, harus dihormati dan dilindungi dari sebarang bentuk penderaan (Muhammad Abdul Hadi, 2021). Keganasan tidak sewajarnya wujud dalam rumah tangga dan keluarga. Menurut Islam suami bertanggungjawab melindungi isteri dan ahli keluarganya kerana suami berperanan sebagai pemimpin keluarga. Hal ini sepertimana firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa' ayat 34,

Maksudnya:

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka.

Fatwa tersebut menegaskan bahawa suami, isteri atau mana-mana ahli keluarga yang melakukan keganasan terhadap pasangan atau ahli keluarga lain adalah berdosa besar dan boleh dikenakan hukuman sesuai mengikut undang-undang syariah dan sivil. Ia juga menggalakkan pihak berkuasa agama dan masyarakat untuk berperanan dalam memberi kesedaran serta menyediakan sokongan kepada mangsa keganasan rumah tangga. Dengan adanya fatwa ini, diharapkan dapat memberi perlindungan kepada mangsa serta mencegah berlakunya keganasan rumah tangga di kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

BIDANG KUASA MAHKAMAH SYARIAH DAN PRINSIP PERUNDANGAN

Mahkamah Syariah di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam menangani kes keganasan rumah tangga, terutama apabila ia melibatkan pasangan Muslim. Salah satu kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Syariah adalah untuk mengeluarkan perintah perlindungan atau perintah interim (Mohd Nadzri, 2013) kepada mangsa keganasan rumah tangga. Ini termasuk menghalang pelaku keganasan mendekati mangsa atau menghubungi mangsa dalam tempoh tertentu sepertimana yang

terkandung dalam seksyen 4 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan seksyen 201 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.

Cara pencegahan penganiayaan fizikal atau mental yang dilakukan oleh suami kepada isteri, adalah dengan cara isteri memohon cerai melalui fasakh yang boleh dimohon kepada Mahkamah Syariah. Berdasarkan kepada seksyen 52 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, seseorang perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syara' adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau untuk fasakh atas alasan bahawa suami telah menganiayai isteri dengan cara menyakiti atau menjadikan kehidupan isteri menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya oleh suaminya. Apabila penganiayaan ini berlaku secara tidak langsung hukuman boleh dikenakan ke atas suami tersebut melalui seksyen 127 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan:

Mana-mana orang menganiaya isterinya atau menipu harta isterinya melakukan sesuatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Seseorang wanita yang mengalami masalah ini, boleh membuat pemeriksaan kesihatan di mana-mana pusat kesihatan bagi membuktikan penganiayaan itu berlaku, lalu pegawai perubatan tersebut akan mengeluarkan satu laporan untuk diserahkan kepada pihak penguatkuasa dengan membuat laporan polis atau pihak Penguatkuasa Agama Islam di tempat dia tinggal. Siasatan akan dijalankan oleh pihak polis atau Penguatkuasa Agama Islam sebelum tindakan pendakwaan diambil. Pendakwaan akan dilakukan oleh Pendakwa Syarie selepas memperoleh kertas siasatan dan jika mendapati cukup bukti, pihak Pendakwa Syarie boleh mendakwa pihak yang dituduh (Abdul Walid, 2021).

Di samping itu, keganasan rumah tangga ini adalah kesalahan yang boleh tangkap sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 18A Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Hal ini adalah kerana, keganasan rumah tangga merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang yang termaktub di bawah seksyen 18(1) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 iaitu:

Mana-mana orang yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga sedang atau telah dilakukan bolehlah memberi maklumat berkenaan dengannya kepada seseorang pegawai penguatkuasa.

Kesalahan ini juga disifatkan satu jenayah di bawah undang-undang Malaysia sepertimana dalam peruntukan seksyen 319 Kanun Keseksaan yang menyatakan:

Barang siapa menyebabkan kesakitan, penyakit atau kelemahan tubuh kepada seseorang adalah dikata menyebabkan cedera.

Merujuk definisi cedera tersebut, kesalahan yang boleh mendatangkan kecederaan tersebut adalah akibat daripada perbuatan keganasan berdasarkan seksyen 321 Kanun Keseksaan iaitu:

Barang siapa melakukan apa-apa perbuatan dengan niat dengan jalan demikian itu hendak menyebabkan cedera kepada seseorang, atau dengan mengetahui bahawa ia mungkin dengan jalan demikian itu menyebabkan cedera kepada seseorang adalah dikatakan “dengan sengaja menyebabkan cedera”

Seksyen ini jelas menyatakan bahawa keganasan rumah tangga adalah merupakan satu jenayah yang perlu dicegah. Ini dapat dibuktikan dalam kes *PP lwn Mohd Akhtar Tahir* [2004] 2 MLJ 1, di mana dalam kes ini tertuduh telah mendera isterinya secara fizikal yang menyebabkan kecederaan yang parah dan tertuduh telah dikenakan sabitan hukuman di bawah seksyen 323 Kanun Keseksaan. Manakala dalam kes *Tengku Mariam Tengku Sri Wa Raja lwn Tengku Ibrahim* [1994] 1 MLJ 32, tertuduh telah melakukan penderaan secara emosi dan psikologi menyebabkan mangsa(isteri) dalam keadaan tekanan. Mahkamah memutuskan bahawa penderaan bukan fizikal juga boleh menjadi asas yang kukuh untuk pembubaran perkahwinan. Berbeza dengan kes *PP lwn Ridzwan bin Abdul Rahman* [2007] 5 MLJ 37, iaitu tertuduh telah memukul mangsa(isteri) dengan menggunakan objek yang tajam yang menyebabkan mangsa cedera parah. Mahkamah memutuskan tertuduh disabitkan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan iaitu menyebabkan kecederaan dengan senjata atau benda berbahaya. Oleh itu, peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di atas menunjukkan kerajaan Malaysia masih cakna dan peka dengan permasalahan yang berlaku dalam kekeluargaan.

KESIMPULAN

Keganasan rumah tangga merupakan satu masalah sosial yang serius dan memberi kesan buruk terhadap individu, keluarga dan masyarakat secara keseluruhan. Dalam kerangka Syariah, keganasan rumah tangga, terutamanya yang melibatkan kekerasan fizikal dan mental, tidak hanya bertentangan dengan ajaran agama Islam tetapi juga bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan dan keadilan. Syariah menekankan konsep kasih sayang, tolong-menolong dan saling hormat menghormati antara suami isteri, dan keganasan dalam rumah tangga jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip ini.

Bagi mencegah dan menyelesaikan permasalahan ini, kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat tentang kepentingan membina keluarga yang harmoni berlandaskan ajaran agama perlu dipertingkatkan. Kempen kesedaran boleh dijalankan melalui platform media, ceramah agama, serta penyuluhan di peringkat komuniti untuk membendung keganasan rumah tangga.

Selain daripada itu, masyarakat juga perlu memanfaatkan kaedah-kaedah penyelesaian dalam Syariah seperti mediasi, kaunseling perkahwinan dan penglibatan hakim syariah dalam menyelesaikan masalah rumah tangga. Penyelesaian melalui perbincangan dan perundingan yang adil boleh membantu mengelakkan keganasan dalam rumah tangga.

Di samping itu penguatkuasaan undang-undang yang melindungi mangsa keganasan rumah tangga, termasuk undang-undang yang berasaskan Syariah, bagi memberikan perlindungan yang lebih efektif kepada isteri dan anak-anak yang menjadi mangsa kekerasan. Malahan juga, perlu menyediakan sokongan yang mencukupi seperti pusat perlindungan mangsa keganasan rumah tangga, kaunseling dan

bantuan psikologi agar mangsa mendapat tempat untuk mendapatkan perlindungan dan bantuan emosi yang diperlukan. Pihak kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak berkuasa agama perlu bekerjasama untuk menyediakan rangkaian sokongan yang menyeluruh kepada mangsa, serta menjalankan usaha-usaha pencegahan dengan lebih berkesan. Justeru, dengan pendekatan yang holistik dan bersepadu, keganasan rumah tangga dapat diatasi dan keluarga yang harmoni berlandaskan Syariah dapat dibina bagi mewujudkan masyarakat yang lebih sejahtera.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Haji Abdul Malik Karim Amrullah. (1983). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. Cet.1. Pustaka Dini dan Pustaka Panjimas: Jakarta
- Abdul Walid Abu Hassan. (2021). *Hak-hak Wanita Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Persatuan Ulama Malaysia: Selangor.
- Abu Isa Muhammad bin Isa al-Tirmidzi. (1997). *Sunan Tirmidzi (Kitab: Birr wa-Salat)*. Jil.5. Maktabah al-Ma'arif:Beirut.
- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521).
- Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585).
- Anon. (2023). *Annual Report: All Women's Action Society Malaysia [AWAM]* (2023). AWAM: Selangor
- Kanun Keseksaan (Akta 574).
- Mohd Nadzri Haji Abdul Rahman Ibrahim. (2013). *Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah(Prinsip dan Amalan)*.Cet. 2. Anugerah Cekal Sdn Bhd:Kuala Lumpur.
- Imam Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri an-Naysaburi. (1981). *Sahih Muslim*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah

- Anon. (t.th). Pertubuhan Pertolongan Wanita [WAO] Malaysia (2023). *<https://wao.org.my/what-is-domestic-violence/>*
- Zulkifli Manzor. 2794 Kes Keganasan Rumah Tangga Dari tahun 2021 hingga 2023. *Kosmo*. 4 Julai 2024.